



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI EKONOMI**

**KADAR INFLASI MALAYSIA BULAN JULAI TERUS MEREDA KEPADA
2.0% : KERAJAAN KOMITED UNTUK MENANGANI TEKANAN KOS
SARA HIDUP**

Kadar inflasi Malaysia pada bulan Julai 2023 terus mereda kepada 2.0% berbanding 2.4% pada bulan Jun 2023, mencatatkan penurunan 11 bulan berturut-turut.

Nov 2022	Dis 2022	Jan 2023	Feb 2023	Mac 2023	April 2023	Mei 2023	Jun 2023	Julai 2023
4.0%	3.8%	3.7%	3.7%	3.4%	3.3%	2.8%	2.4%	2.0%

Kadar inflasi tahun ke tahun November 2022 - Julai 2023

Kadar inflasi Julai 2023 adalah kadar inflasi terendah dalam setahun, mencerminkan trend harga yang semakin stabil yang berterusan.

Kategori Makanan dan Minuman Bukan Alkohol menyumbang bahagian terbesar perubahan inflasi pada kadar 4.4%. Secara positifnya, kadar inflasi Makanan dan Minuman Bukan Alkohol turun hampir 3.0% daripada 6.8% pada Disember 2022 kepada 4.4% pada Julai 2023.

Pengawalan kadar inflasi adalah salah satu keutamaan kerajaan dalam memastikan *runaway inflation*, atau inflasi yang meningkat secara drastik dan tidak terkawal tidak berlaku.

Kadar inflasi yang tinggi secara berterusan akan mengikis kuasa beli rakyat, kerana harga barangan dan perkhidmatan akan naik tetapi pendapatan tidak semestinya naik pada kadar yang sama. Ini bermakna rakyat akan berhadapan dengan kesukaran untuk memenuhi keperluan asas mereka, apatah lagi untuk menabung atau membuat pelaburan. Kuasa ekonomi rakyat akan terjejas, membawa kepada potensi ketidakstabilan sosial.

Sebagai tindakan proaktif, satu kertas dasar sedang dibangunkan untuk mengkaji dan bertujuan untuk mengurangkan *Approved Permit* (AP) dan *Import Permit* (IP). Kertas dasar ini dijangka akan dibentangkan di Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) tidak lama lagi.

Dengan mengurangkan atau mengehadkan AP dan IP, kerajaan berharap akan dapat menurunkan harga barang, khususnya barang import. Ini akan secara langsung membantu meningkatkan kuasa beli rakyat dan meringankan kesan inflasi.

Terdapat juga ruang untuk memperbaiki peraturan anti-monopoli dan persaingan untuk memastikan pasaran lebih kompetitif. Dengan meningkatkan persaingan, harga barang dan perkhidmatan akan menjadi lebih berpatutan.

Pengawalan inflasi dan peningkatan kuasa beli rakyat adalah komponen kritikal Ekonomi Madani. Pendekatan ini akan dilaksanakan dalam cara yang inklusif, berkesan, dan berkekalan untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

RAFIZI RAMLI
29 OGOS 2023